

BAHAGIAN KEWANGAN

- i. Bahagian Kewangan bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan Jabatan Imigresen Malaysia berjalan dengan cekap dan teratur serta selaras mengikut Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan 1PP, Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain peraturan atau prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa
- ii. Mengawal selia dan bertanggungjawab mengatur perbelanjaan mengurus Jabatan bagi mencapai perbelanjaan pada tahap yang optimum
- iii. Membuat perancangan perolehan Jabatan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik (*Best Practices*) bagi mendapatkan kos yang efektif
- iv. Bertindak sebagai Pakar Rujuk dan Perunding berkaitan dasar dan aktiviti Jabatan yang melibatkan urusan kewangan dan perakaunan
- v. Menganalisa keupayaan kewangan Jabatan bagi membolehkan penggunaan sumber kewangan dioptimumkan selaras dengan Sistem *Outcome Based Budgeting*
- vi. Merancang dan memantau pelaksanaan projek pembangunan Jabatan melalui pengurusan peruntukan pembangunan untuk mencapai *outcome* yang disasarkan di dalam Rancangan Malaysia
- vii. Melaksanakan analisis kos-faedah ke atas cadangan projek pembangunan agar Jabatan dapat melaksanakan projek pembangunan yang memberi impak tinggi
- viii. Pengawasan ke atas pengurusan perakaunan Jabatan yang efisien ke arah pelaksanaan perakaunan akruan bagi memastikan kutipan hasil Kerajaan dimaksimumkan